

28/09/1998

Tindakan tegas terhadap Dr Rahim Ghouse

GEORGETOWN, Ahad - Pemuda Umno Pulau Pinang hari ini membuat ketetapan supaya tindakan tegas diambil terhadap Ketua Pemuda negeri, Dr Rahim Ghouse kerana terbabit dalam gerakan reformasi anjuran Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perkara itu antara enam ketetapan yang diputuskan pada perjumpaan membabitkan tujuh Ketua Pemuda Umno bahagian Pulau Pinang, manakala tiga bahagian diwakili naib ketua dan satu diwakili setiausahanya.

Setiausaha Pemuda Umno negeri, Nor Azman Othman, berkata ketetapan itu sejajar keputusan Exco Pemuda Umno Malaysia untuk bertindak terhadap ahlinya yang menyertai reformasi.

"Kita menyokong keputusan Exco Pemuda Umno Malaysia yang meminta Jawatankuasa Displin Umno mengambil tindakan sekeras-kerasnya terhadap Ketua Pemuda Umno negeri (Dr Rahim)," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Lima ketetapan lain yang diputuskan dalam perjumpaan itu termasuk memberikan sokongan penuh kepada pucuk pemimpin parti, khasnya Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tindakan pemecatan Anwar.

Kepemimpinan pemuda Umno negeri turut menyerah kedudukan Dr Rahim kepada kepemimpinan Pemuda Umno Malaysia serta menyokong segala keputusan oleh Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang.

Pemuda Umno turut mengambil keputusan rasa tidak senang dengan kenyataan yang dibuat pemimpin luar negara terhadap Malaysia serta mengatur program penerangan pada peringkat pemuda bahagian.

Sementara itu, Shariff ditanya sama ada perjumpaan itu membincangkan mengenai `kehilangan' Dr Rahim, katanya, ia tidak langsung membangkitkan perkara itu.

Menurutnya, perkara yang dibincangkan berkisar kepada enam ketetapan itu bagi menyatakan serta menjelaskan pendirian Pemuda Umno negeri terhadap masalah yang dihadapi.

Beliau berkata, beberapa ahli lain yang terbabit dalam reformasi sudah dikenal pasti dan laporan mengenainya sedang dikumpul.

(END)